

**SEJARAH PEMBANGUNAN DAERAH MARADONG,
SARAWAK (1920-1963)**



MAHADZIR BIN MAHDINI

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI KEMANUSIAAN SENI DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2019

**SEJARAH PEMBANGUNAN DAERAH MARADONG,
SARAWAK (1920-1963)**

MAHADZIR BIN MAHDINI



**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA
SASTERA (SEJARAH)**

**FAKULTI KEMANUSIAAN SENI DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2019

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : SEJARAH PEMBANGUNAN DAERAH MAARADONG, SARAWAK (1920-1963)

IJAZAH : IJAZAH SARJANA SASTERA (SEJARAH)

SAYA : MAHADZIR BIN MAHDINI

SESI PENGAJIAN : AMBILAN SEPTEMBER 2015

(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

☐

TIDAK TERHAD


(TANDATANGAN PENOLIS)

Alamat Tetap: _____

NO 218 LORONG 1A1A

TAMAN BERLIAN STABIL

94300 KOTA SAMARAHAN

 **ANITA BINTI ARSAD**
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

(NAMA PENYELIA)

TARIKH: 8 OKTOBER 2025

TARIKH: _____

Catatan:

*Potong yang tidak berkenaan.

*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa Tesis Sarjana ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri, melainkan petikan dan ringkasan yang setiap satunya saya telah jelaskan sumbernya.

13 Disember 2019

Mahadzir Bin Mahdini

MA1511013T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **MAHADZIR BIN MAHDINI**
NO MATRIK : **MA1511013T**
TAJUK : **SEJARAH PEMBANGUNAN DAERAH
MARADONG, SARAWAK (1920-1963).**
IJAZAH : **SARJANA
(SEJARAH)**
TARIKH VIVA : **8 OKTOBER 2019**

DISAHKAN OLEH;



PENYELIA

Prof. Madya Dr. Bilcher Bala

Tandatangan

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur kepada Allah s.w.t. Limpah rahmat, kasih sayang dan dengan kurnia Allah s.w.t., maka kajian dan penulisan tesis ini dapat dilengkapkan. Tiada daya upaya melainkan dengan pertolongan-Nya.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih tidak terhingga kepada ibu Dayang Hajjah Binti Abang Haris kerana telah memberikan semangat untuk saya melanjutkan pelajaran. Kepada arwah ayah Mahdini Bin Ahmad Saida, terima kasih atas galakan dan semangat untuk saya meneruskan perjuangan dalam akademik. Penghargaan juga kepada isteri Lia Anis Safina Binti Mohamad serta anak-anak Mardhiyah Binti Mahadzir dan Makayla Binti Mahadzir kerana sanggup bekorban demi memastikan tesis ini berjaya disiapkan. Jutaan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Bilcher Bala selaku penyelia yang telah memberikan motivasi dan seliaan yang sangat cemerlang bagi memastikan saya berjaya menyiapkan tesis. Hanya Allah S.W.T. sahaja yang mampu membalas jasa anda semua.

Mahadzir Bin Mahdini

13 Disember 2019



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan sejarah pembangunan daerah Maradong dari tahun 1920 hingga 1963. Kedudukan geografi daerah Maradong yang strategik telah mendorong kemajuan sosioekonomi daerah Maradong. Pengwujudan pentadbiran daerah Maradong pada tahun 1920 telah memacu kemajuan sosioekonomi daerah Maradong. Pelbagai jabatan kerajaan penting seperti jabatan hutan, jabatan pertanian dan polis telah ditubuhkan di daerah Maradong era 20-an. Jabatan kerajaan telah memberikan bantuan dalam bentuk skim tanaman dan pembinaan infrastruktur. Bantuan yang telah disalurkan selama 43 tahun di daerah Maradong telah meningkatkan taraf hidup penduduk daerah Maradong. Pembangunan infrastruktur memberikan impak kepada pertambahan penduduk dan juga pemangkin kepada kemajuan ekonomi daerah Maradong. Kemajuan sosioekonomi telah menyebabkan kemudahan asas seperti bekalan elektrik, air dan jalan raya turut berkembang di daerah Maradong. Skim tanaman komersial seperti getah telah menyebabkan tanaman ini menjadi barangan eksport penting untuk daerah Maradong. Kebergantungan dalam pertanian terbukti apabila wujudnya tanaman getah, lada, kelapa, rumbia, padi dan buah-buahan. Metod penyelidikan yang digunakan adalah penyelidikan arkib, perpustakaan dan rekod-rekod jabatan kerajaan bagi mendapatkan sumber data primer dan sekunder. Kaedah temubual juga telah digunakan bagi mendapatkan gambaran perubahan keadaan daerah Maradong. Secara amnya, kajian ini dilihat penting untuk memberikan maklumat kepada penduduk daerah Maradong tentang sejarah lampaunya. Selain itu, kajian ini juga dapat menjadi koleksi penulisan sejarah sosioekonomi bagi negeri Sarawak. Secara keseluruhannya, kemajuan sosioekonomi daerah Maradong dipengaruhi oleh kedudukan strategiknya di tebingan sungai Rejang, keadaan geografi, penduduk dan kemudahan yang disediakan oleh pihak pentadbiran yang telah merancakkan perkembangan ekonomi dan mengubah keadaan sosial di daerah itu.

ABSTRACT

MARADONG DISTRICT DEVELOPMENT HISTORY, SARAWAK (1920-1963)

This study discusses the socioeconomic history of the Maradong District from 1920 to 1963. The maritime position of the Maradong District is strategically driving the socio-economic development of the Maradong District. The creation of Maradong district administration in 1920 has spurred Maradong's socio-economic development. Various important government departments such as forest departments, agricultural departments and police have been established in the early of 1920 century at Maradong district. The government department has provided assistance in the form of crop schemes and infrastructure construction. Aid that has been channeled for 43 years in Maradong district has improved the living standards of Maradong district residents. Infrastructure development has an impact on population growth and also a catalyst for Maradong's economic development. Socioeconomic progress has led to basic amenities such as electricity, water and roads as well as growing in Maradong district. The commercial scheme of rubber such as rubber has caused this crop to be an important exporting item for Maradong district. Dependence on agriculture is evident when there are rubber, pepper, coconut, rumbia, paddy and fruit crops. Research methods used are archival research, libraries and government department records for obtaining primary and secondary data sources. The interview method has also been used to get a view of the change of Maradong district. In general, this study is seen as important to provide information to Maradong's residents about its past history. In addition, this study can also be a collection of socio-economic history for Sarawak. Overall, the socio-economic development of the Maradong district is influenced by its strategic position along the Rejang river, geographical conditions, population and facilities provided by the administration which has stimulated economic development and changed the social situation in the area.

ISI KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI PETA	xi
SENARAI FOTO	xii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1 : PENGENALAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pemasalahan Kajian	2
1.3 Objektif Kajian	4
1.4 Kepentingan Kajian	5
1.5 Sorotan Literatur	6
1.6 Metodologi Kajian	15
1.7 Skop Kajian	16
1.8 Pembahagian Bab	17
1.9 Kesimpulan	20
BAB 2 : GEOGRAFI DAERAH MARADONG	
2.1 Pengenalan	21
2.2 Kawasan	22
2.3 Lokasi	26
2.4 Tanah	37

2.5	Iklm	39
2.6	Hutan	41
2.7	Kesimpulan	45

BAB 3 : PENTADBIRAN DAERAH MARADONG

3.1	Pengenalan	46
3.2	Asal-Usul Nama	47
3.3	Penubuhan Daerah Maradong	48
3.4	Pejabat Daerah Maradong	52
3.5	Majlis Daerah Maradong Dan Julau	62
3.6	Jabatan Kerajaan	66
3.6.1	Balai Polis	67
3.6.2	Pejabat Pendidikan	75
3.6.3	Jabatan Hutan	81
3.6.4	Jabatan Pertanian	84
3.6.5	Jabatan Bomba Dan Penyelamat	89
3.6.6	Klinik Kesihatan	91
3.7	Kesimpulan	94

BAB 4 : PERUBAHAN SOSIAL DAERAH MARADONG

4.1	Pengenalan	95
4.2	Demografi	96
4.3	Gaya Hidup	103
4.3.1	Jalan Raya	103
4.3.2	Bekalan Elektrik	122
4.3.3	Bekalan Air	126
4.3.4	Pejabat Pos Dan Telekomunikasi	128
4.4	Agama	131
4.5	Kesimpulan	136

BAB 5 : JENIS-JENIS EKONOMI DAERAH MARADONG

5.1	Pengenalan	137
5.2	Pembalakan	137
5.3	Kegiatan Eksport dan Import	139
5.4	Pertanian	147
5.4.1	Getah	147
5.4.2	Lada	154
5.4.3	Kelapa	159
5.4.4	Rumbia	161
5.4.5	Padi	165
5.5	Kilang	169
5.6	Kedai Runcit	172
5.7	Kesimpulan	174

BAB 6 : PENUTUP


Penutup	175
---------	-----

BIBLIOGRAFI	184
--------------------	-----

LAMPIRAN	199
-----------------	-----

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1 : Loji Rawatan Air Di Sarawak	34
Jadual 3.1 : Carta Organisasi Pegawai Kerajaan Peringkat Bahagian Ketiga	59
Jadual 3.2 : Senarai Nama Pegawai Daerah Maradong 1940 hingga 1954	60
Jadual 3.3 : Senarai Nama Pegawai Daerah Maradong 1955 hingga 2006	61
Jadual 5.1 : Harga Getah Pada tahun 1968	153
Jadual 5.2 : Jumlah Eksport Lada Bagi Tahun 1969-1970	156



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI PETA

	Halaman
Peta 2.1 : Daerah Maradong	23
Peta 2.2 : Bandar Bintangor	24
Peta 2.3 : Sarawak Pada Tahun 1861	25
Peta 2.4 : Lokasi Daerah Maradong, Sarawak	27
Peta 2.5 : Kampung Melayu di Tebingan Sungai Rejang dan Sungai Maradong	28
Peta 2.6 : Rumah Panjang di Tebingan Sungai Maradong	29
Peta 2.7 : Rumah Panjang di Tebingan Sungai Tulai	30
Peta 2.8 : Rumah Panjang Dan Pasar Tanjung Genting di Tebingan Sungai Binatang	31
Peta 2.9 : Rumah Panjang di Tebingan Sungai Rejang	32
Peta 2.10 : Loji Rawatan Air di Temadak dan Kawasan Skim B	33
Peta 2.11 : Kedalaman Sungai Rejang Dan Sungai Tulai	35
Peta 2.12 : Dataran Alluvium di Sarawak	36
Peta 2.13 : Bentuk Muka Bumi Daerah Maradong, Sarawak	38
Peta 2.14 : Jarak Daerah Maradong Dari Laut	40
Peta 2.15 : Min Hujan Tahunan Daerah Maradong, Sarawak	41
Peta 2.16 : Jenis Hutan Daerah Maradong, Sarawak	42
Peta 2.17 : Hutan Simpan Sarawak	43
Peta 2.18 : Lokasi Hutan Simpan Stabar Dan Hutan Simpan Binatang	44
Peta 4.1 : Laluan Jalan Raya Bintangor-Sarikei 1956	117
Peta 5.1 : Laluan Kapal Kargo di Sungai Rejang Pada 1930-an	144
Peta 5.2 : Kawasan Industri Perkilangan, Jalan Kilang.	171

SENARAI FOTO

	Halaman
Foto 3.1 : Pasar Bintangor Pada 1920	52
Foto 3.2 : Pejabat Daerah Maradong Pada 1920	54
Foto 3.3 : Pejabat Daerah Maradong Yang Dibina Pada 1948	55
Foto 3.4 : Pejabat Daerah Maradong Yang Dibina Pada 1994	55
Foto 3.5 : Abang Haji Mohd Thahir Bin Almarhom Abang Haji Abdul Rahman. <i>Senior Native Officer</i> merangkap Ahli <i>Council Negri</i> .	57
Foto 3.6 : Pengerusi Majlis Daerah Maradong dan Julau	63
Foto 3.7 : Pejabat Majlis Daerah Binatang Pada 1956	63
Foto 3.8 : Pejabat Majlis Daerah Binatang Pada 1960 Hingga Kini	64
Foto 3.9 : Pasukan Polis Bersama Warga Pejabat Daerah Binatang 1948	72
Foto 3.10 : Balai Bomba Dan Penyelamat	90
Foto 4.1 : Projek Sungai Mador I	108
Foto 4.2 : Projek Sungai Mador II	108
Foto 4.3 : Projek Sungai Padi	109
Foto 4.4 : Projek Sungai Labas	109
Foto 4.5 : Projek Sungai Stras	110
Foto 4.6 : Projek Sungai Krotong	110
Foto 4.7 : Projek Sungai Maradong	111
Foto 4.8 : Projek Sungai Pilit	111
Foto 4.9 : Projek Sungai Narasit	112
Foto 4.10 : Projek Sungai Jalan Kelupu	112
Foto 4.11 : Projek Sungai Ilang	113
Foto 4.12 : Lakaran Lokasi Kesemua Projek Jalan Raya	113
Foto 4.13 : Projek Tanjung Genting	114
Foto 4.14 : Gereja di Bandar Bintangor	132
Foto 4.15 : Masjid Bintangor Yang Dibina Pada 1988	135
Foto 5.1 : Kapal Berlabuh di Pelabuhan Binatang Pada Tahun 1930	140

Foto 5.2 :	Pelan Lot Tanah 218	145
Foto 5.6 :	Perahu Membawa Rumbia di Jeti Bintangor 1930	162



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN


KM	-	Kilometer
MDMJ	-	Majlis Daerah Maradong dan Julau
SESCo	-	Sarawak Electricity Supply Company Limited
CCO	-	Sarawak Clandestine Communist Party
RC	-	Roman Catholic
VHF	-	Very High Frequency
RPS	-	Skim Tanaman Getah
RPSB	-	Rancangan Skim Tanaman Getah
RPSA	-	Skim Tanaman Getah A



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A : Sarawak Gazette 1st March 1882	199
Lampiran B : Official Memorandum	200
Lampiran C : Fail Arkib 37/RO/428/1	201
Lampiran D : Surat Rasmi Kerajaan	202
Lampiran E : Sarawak Government Departmental Warrant	203
Lampiran F : Binatang Annual Report	204



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Daerah Maradong merupakan sebuah daerah yang disatukan oleh Kerajaan Negeri Sarawak dengan daerah Sarikei, daerah Julau dan daerah Pakan bagi membentuk bahagian Sarikei. Wujudnya pentadbiran daerah Maradong merupakan satu tindakan awal Dinasti Brooke bagi memastikan infrastruktur daerah Maradong berkembang seiring dengan keperluan aktiviti ekonomi dan penduduk daerah Maradong. Kajian ini akan meninjau sejarah perkembangan sosioekonomi serta perkembangan pentadbiran daerah Maradong. Garis masa yang akan ditetapkan adalah pada tahun 1920 hingga tahun 1963.

Perkembangan pentadbiran daerah Maradong berlaku sehingga wujudnya pelbagai jabatan kerajaan pada masa sekarang. Hal ini membuktikan bahawa daerah Maradong mempunyai keistimewaan dalam aspek sosioekonomi. Perkembangan yang berlaku ini perlu dikaji untuk mencari faktor yang memainkan peranan penting dalam memajukan daerah Maradong. Selain itu, perkembangan pentadbiran daerah Maradong juga memberikan kesan positif kepada penduduk daerah Maradong dalam kehidupan seharian mereka. Hal ini juga perlu dikaji bagi menilai peningkatan taraf hidup penduduk daerah Maradong sejak tahun 1920 hingga 1963.

Perkembangan sosioekonomi daerah Maradong adalah satu peristiwa yang semanginya berlaku di daerah Maradong. Kepelbagaian aktiviti ekonomi yang wujud menjadi punca pendapatan penduduk bagi kelangsungan kehidupan mereka. Kepelbagaian ekonomi juga menuntut wujudnya infrastruktur yang baik bagi melancarkan kegiatan ekonomi. Keadaan ini menyebabkan perlunya penelitian yang

terperinci bagi menghuraikan kebergantungan faktor sosial dan faktor ekonomi daerah Maradong dalam menjadikan daerah Maradong membangun dari masa ke masa.

1.2 Permasalahan Kajian

Kewujudan daerah Maradong bermula dengan adanya petempatan kecil kesan daripada aktiviti pembalakan. Kerancangan aktiviti pembalakan dan membawa kepada wujudnya aktiviti pertanian telah menyebabkan pertambahan penduduk di Bintangor. Kewujudan petempatan baharu kesan daripada kegiatan pembalakan merupakan keistimewaan Bintangor berbanding dengan Sarikei dan Sibu yang telah wujud sebelum pembentukan Bahagian Ketiga oleh Brooke. Kepelbagaian aktiviti ekonomi menyebabkan terjadinya peristiwa penubuhan pentadbiran daerah Maradong pada tahun 1920. Penubuhan pentadbiran daerah Maradong merupakan titik permulaan kepada kemajuan sosioekonomi daerah Maradong. Penubuhan daerah Maradong juga membawa kepada wujudnya pelbagai jabatan kerajaan yang ada pada masa sekarang. Jabatan kerajaan yang telah diwujudkan ini pastinya memberikan faedah kepada kegiatan sosioekonomi daerah Maradong. Selain itu, isu sosioekonomi yang berlaku di daerah Maradong juga mendapat perhatian daripada pejabat kerajaan untuk diselesaikan dengan kadar segera. Isu sosioekonomi yang berlaku adalah isu permohonan tanah untuk pertanian, isu keperluan bantuan pertanian, isu keselamatan dan juga isu kemudahan awam. Oleh itu, kajian terhadap pentadbiran daerah Maradong perlu dilakukan bagi mengetengahkan isu yang telah berlaku di daerah Maradong sejak 1920 hingga 1963. Bantuan kerajaan dalam bentuk skim dan hak pemilikan tanah adalah sangat membantu dalam kemajuan aspek ekonomi terutamanya dalam bidang pertanian. Aspek sosial juga menerima kesan positif daripada penyediaan pelbagai kemudahan di daerah Maradong oleh jabatan kerajaan. Sebagai contoh, perlindungan keselamatan yang disediakan oleh polis memberikan kelebihan kepada daerah Maradong untuk terus maju. Aktiviti sosial dan ekonomi dapat dijalankan dengan lancar dan berkesan kerana keselamatan yang terjamin. Kenyataan ini membawa kepada persoalan apakah jabatan kerajaan yang memainkan peranan penting dalam kemajuan daerah Maradong sejak 1920 hingga 1963. Selain

itu, tindakan yang dilakukan oleh jabatan kerajaan dalam menyelesaikan isu sosioekonomi di daerah Maradong juga perlu diketengahkan. Hal ini penting untuk mengetahui kronologi peristiwa yang membawa kepada kemajuan sosioekonomi daerah Maradong. Kronologi ini juga pastinya menceritakan isu-isu yang berlaku serta penyelesaian yang dilakukan oleh kerajaan bagi memastikan kemajuan yang berterusan dalam tempoh 43 tahun tersebut.

Perkembangan sosioekonomi yang berlaku di daerah Maradong bermula dengan aktiviti pembalakan yang berlaku di bandar Bintangor. Kegiatan ekonomi ini telah menyebabkan pertambahan penduduk di daerah Maradong khususnya bandar Bintangor. Keperluan untuk menambah penduduk di bandar Bintangor telah disedari oleh pentadbiran Brooke kerana dengan adanya pertambahan penduduk maka kegiatan ekonomi akan bertambah rancak. Oleh itu, berlakulah kedatangan masyarakat Foochow ke bandar Bintangor. Kedatangan mereka adalah hasil daripada import buruh daripada China oleh kerajaan Brooke. Masyarakat Foochow telah membentuk petempatan kekal yang berasaskan pertanian sebagai aktiviti ekonomi di daerah Maradong. Kedatangan masyarakat Foochow sememangnya memberikan kesan positif dalam kemajuan sosial dan juga ekonomi daerah Maradong. Kerajinan dan tekad masyarakat Foochow dalam menjalani kehidupan seharian di daerah Maradong telah menjadikan daerah Maradong sebagai sebuah kawasan petempatan yang berkembang dalam aspek ekonomi. Kemajuan dalam aspek ekonomi pastinya mengundang kepada kemajuan dalam aspek sosial daerah Maradong. Situasi ini pastinya menarik minat pentadbiran Brooke di Kuching untuk memberikan perhatian kepada daerah Maradong untuk dimajukan. Oleh itu, sebagai permulaannya tertubuhlah pentadbiran daerah kecil Maradong pada tahun 1920 dan seterusnya membawa kepada kemajuan infrastruktur dalam daerah Maradong. Peristiwa yang berlaku ini membawa kepada satu keperluan untuk mengkaji kemajuan daerah Maradong dalam aspek sosioekonomi. Persoalan seperti apakah infrastruktur yang telah disediakan sejak tahun 1920 hingga 1963 perlu dibicarakan kerana infrastruktur sangat penting untuk kemajuan dalam ekonomi dan juga mampu meningkatkan taraf hidup penduduk Maradong. Selain itu, persoalan yang kedua adalah apakah bidang ekonomi yang menyumbang kepada kemajuan daerah Maradong sejak 1920 hingga

1963. Persoalan-persoalan ini perlu dirungkaikan agar manfaat daripada kemajuan yang telah dicapai dapat diketahui oleh umum.

1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian yang pertama adalah untuk mengkaji tentang penubuhan daerah Maradong. Peristiwa penubuhan daerah Maradong memainkan peranan penting dalam memacu daerah Maradong ke arah kemajuan dalam aspek sosioekonomi. Penubuhan daerah Maradong turut menyumbang kepada wujudnya pejabat kerajaan yang beroperasi di daerah Maradong. Pejabat kerajaan merupakan daya tarikan kepada masyarakat untuk datang ke bandar Bintangor bagi menikmati kemudahan yang disediakan oleh pejabat kerajaan tersebut. Selain itu, jabatan kerajaan yang telah diwujudkan ini pastinya akan menyelesaikan isu sosial dan isu ekonomi yang berlaku di daerah Maradong. Hal ini penting bagi menjamin kemajuan berterusan daerah Maradong sejak 1920 hingga 1963.

Objektif kajian yang kedua adalah untuk membincangkan kemajuan sosial Daerah Maradong dari tahun 1920 hingga tahun 1963. Kajian ini akan meninjau perubahan yang berlaku dalam aspek sosial Daerah Maradong selama 43 tahun. Perkembangan sosial ini berkait rapat dengan kemudahan asas yang telah disediakan oleh jabatan kerajaan di daerah Maradong. Kemudahan asas yang telah mula disediakan sejak 1920 ini pastinya meningkatkan taraf hidup masyarakat daerah Maradong. Selain itu, kemajuan dalam aspek sosial ini turut menjadi faktor kepada pertambahan penduduk Daerah Maradong. Pertambahan penduduk ini pastinya memberikan kesan kepada pewujudan kemudahan awam di daerah Maradong. Gaya hidup tradisional seperti penggunaan perahu, lampu minyak tanah dan air sungai mengalami perubahan ke arah lebih moden dengan adanya jalan raya, bekalan elektrik dan bekalan air bersih. Perkembangan sosial dalam aspek peningkatan taraf hidup kesan daripada penyediaan infrastruktur ini pastinya membuktikan wujudnya perubahan sosial dalam kehidupan masyarakat daerah Maradong yang berbilang kaum.

Objektif kajian yang ketiga adalah untuk meneliti tentang kemajuan ekonomi daerah Maradong dari tahun 1920 hingga tahun 1963. Kajian ini akan meninjau kegiatan ekonomi yang telah berlaku selama 43 tahun tersebut. Bermula dengan

pembalakan, kegiatan ekonomi terus berkembang dengan adanya kegiatan pertanian, kilang dan juga kedai runcit. Kegiatan ekonomi ini turut melibatkan aktiviti import dan juga eksport. Kepelbagaian dalam kegiatan ekonomi juga menjadi faktor kepada pertambahan penduduk daerah Maradong kerana peluang pekerjaan yang tercipta daripada kegiatan ekonomi tersebut. Selain itu, hasil yang dijana melalui kegiatan ekonomi ini juga menarik minat pentadbiran Brooke dan British untuk memajukan daerah Maradong. Kemasukan pelabur asing seperti Borneo Company Limited juga berlaku kerana adanya perkembangan dalam kegiatan ekonomi daerah Maradong. Keadaan ini berlaku kerana adanya peluang ekonomi yang telah disediakan oleh daerah Maradong.

1.4 Kepentingan Kajian

Hasil kajian pasti memberi manfaat kepada masyarakat di daerah Maradong untuk mengetahui sejarah asal usul tertubuhnya daerah Maradong. Hasil kajian ini juga semestinya mampu untuk mengembangkan potensi masyarakat daerah Maradong dalam membina jati diri dan memajukan taraf hidup di daerah Maradong. Oleh itu, kajian ini juga boleh dijadikan panduan kepada masyarakat daerah Maradong untuk mencipta peluang perniagaan dan mencari peluang pekerjaan yang sesuai di daerah Maradong. Penduduk daerah Maradong juga dapat mengetahui maklumat penting tentang kegiatan ekonomi yang sesuai dilaksanakan di daerah Maradong khususnya dalam bidang pertanian yang menyumbang kepada perkembangan ekonomi daerah Maradong. Selain itu, kejayaan dan kegagalan dalam bidang ekonomi yang telah berlaku di daerah Maradong mampu menjadi iktibar kepada masyarakat daerah Maradong dalam membuat keputusan dalam menceburi bidang pertanian di daerah Maradong. Bantuan kerajaan juga dapat diperoleh dengan adanya pengetahuan dalam membina kertas kerja yang bersandarkan hasil kajian yang telah dilaksanakan ini.

Daerah Maradong merupakan daerah yang mempunyai kedudukan yang strategik dan pernah memainkan peranan sebagai pelabuhan yang penting di negeri Sarawak pada era pentadbiran Dinasti Brooke dan British. Pelabuhan ini menjadi tunjang kepada kegiatan ekonomi daerah Maradong bagi kegiatan import dan eksport

barang dagang. Maklumat penting seperti ini sudah semestinya memberikan faedah kepada kerajaan negeri mahupun pusat dalam mencari faktor pemboleh ubah yang mampu untuk memajukan daerah Maradong. Oleh itu, kajian ini mempunyai kepentingan kepada kerajaan negeri dan juga pusat dalam mencari idea bagi pembangunan dan juga mengenal pasti permasalahan yang timbul dalam membangunkan sosioekonomi di daerah Maradong. Maka, kesilapan yang lepas dapat dielakan dan kejayaan yang lepas juga dapat dicapai semula. Hal ini, menunjukkan bahawa perlunya mempelajari sejarah agar tidak mengulangi kesilapan yang lampau dan juga mencari jalan penyelesaian serta mengelak daripada menghadapi masalah yang sama.

1.5 Sorotan Literatur

Keadaan geografi merupakan salah satu faktor penting bagi menjadikan kawasan tersebut terpilih sebagai kawasan petempatan. Oleh itu, adalah penting bagi mendapatkan maklumat berkenaan dengan keadaan geografi daerah Maradong. Oleh itu, sebuah buku yang bertajuk *Kajibumi Sarawak, Barunai dan Bahagia Barat Borneo Utara* telah dirujuk bagi tujuan mendapatkan data geografi daerah Maradong. Data yang bersifat am yang telah ditunjukkan dalam buku tersebut sangat membantu kerana data tersebut telah dikutip sebelum terbentuknya Malaysia. Data geografi seperti iklim, jenis tanah, purata hujan dan jenis hutan adalah sangat penting bagi membuktikan geografi daerah Maradong adalah sesuai dengan aktiviti pertanian.¹ Data-data ini juga adalah penting bagi menunjukkan sebab terbentuknya petempatan awal di daerah Maradong dan seterusnya berkembang menjadi sebuah bandar yang mempunyai penduduk yang ramai. Selain itu, bagi mendapatkan bentuk muka bumi dan juga keadaan geografi semasa pendekatan yang lebih moden telah digunakan. Pendekatan tersebut adalah dengan menggunakan *Google Maps* dan *Google Earth*. Penggunaan aplikasi ini adalah bagi memudahkan pengambilan gambar bentuk muka bumi dan juga keadaan semasa dari pandangan atas tanpa memerlukan kos yang

¹ P. Liehti et al, *Kajibumi Sarawak, Barunai dan Bahagian Barat Borneo Utara*, Kuching; Jabatan Penyiasatan Kajibumi Tanah Jajahan British Di Borneo, 1960.

tinggi. Peta yang dihasilkan melalui aplikasi ini akan diselaraskan dengan adanya data-data yang diperoleh melalui pembacaan buku.

Penetapan tahun merupakan satu perkara yang sangat mustahak dalam sejarah. Kronologi adalah penting dalam penceritaan sejarah sosioekonomi daerah Maradong. Oleh itu, satu pembacaan buku yang bertajuk *Rajah Charles Brooke Monarch of All He Surveyed* telah dilakukan bagi memastikan garis masa yang tepat untuk permulaan terbentuknya petempatan awal di daerah Maradong. Pembacaan ini adalah penting untuk mendapatkan data berkenaan dengan permulaan terbentuknya petempatan di daerah Maradong. Maklumat yang dimaksudkan adalah sekitar tahun 1856 telah terdapatnya pembinaan kubu Brooke di Sarikei.² Rajah Charles Brooke juga telah melakukan rondaan di sepanjang Sungai Rejang dari Sarikei hingga ke Sibu. Kawasan daerah Maradong berada di antara Sibu dan Sarikei. Oleh itu, dapat dipastikan bahawa ketika itu belum terdapatnya petempatan awal tetapi Rajah Brooke sudah menyedari bahawa kawasan tersebut mempunyai potensi ekonomi kerana pada tahun 1856 adalah tahun yang mana bahagian Ketiga belum termaktub dalam kekuasaan Rajah Charles Brooke. Maklumat seperti ini penting bagi menentukan permulaan terbinanya daerah Maradong.

Sistem pentadbiran zaman Rajah Brooke juga merupakan satu aspek yang perlu diambil kira dalam membina kajian berkenaan dengan pembangunan sosioekonomi daerah Maradong. Pentadbiran Rajah Brooke merupakan pentadbiran yang telah menubuhkan pentadbiran peringkat daerah Maradong. Oleh itu, adalah perlu untuk memahami sistem pentadbiran yang telah diperkenalkan oleh Rajah Brooke. Satu pembacaan awal berkenaan dengan sistem pentadbiran Rajah Brooke telah dilakukan. Sebuah jurnal yang bertajuk *Government In Sarawak Under Charles Brooke* telah memberikan input penting bagi menceritakan sistem pentadbiran semasa Rajah Charles Brooke memerintah Sarawak.³ Pada zaman Charles Brooke kawasan

² Crisswell, *Rajah Charles Brooke, Monarch of All He Surveyed*, Kuala Lumpur; Oxford Universiti Press, 1978.

³ Doering Otto C., *Government In Sarawak Under Charles Brooke*, *Journal Of The Malaysian Branch Of The Royal Asiatic Society* 39, No, 2, Kuala Lumpur; Malaysian Branch Of The Royal Asiatic Society, 1966.